

Fitnah tangkap jemaah haji mesti dihentikan

BH 21 MAR 2000

KOTA BHARU, Selasa – Pemimpin parti pembangkang diminta menghentikan dakwah kononnya penahanan warga negara Malaysia oleh pihak berkuasa Arab Saudi di Tanah Suci baru-baru ini adalah atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengerah Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata kenyataan itu ternyata fitnah untuk memburuk-burukkan pemimpin Umno, terutama Perdana Menteri.

Beliau kesal dengan dakwaan itu yang disifatkan sebagai tidak berasas sama sekali dan berbau politik.

Malah, katanya, adalah tidak munasabah pemimpin negara ini sendiri sanggup bersubhat mengarahkan pihak berkuasa Arab Saudi menahan rakyatnya yang

ingin mengerjakan ibadah itu.

“Sedangkan penahanan itu dilakukan oleh pihak berkuasa Arab Saudi sendiri tanpa mengira kewarganegaraan seseorang jemaah.

“Dalam operasi itu, lebih 30,000 warga negara asing ditahan kerana ingin menunaikan ibadah haji dengan menggunakan visa umrah setelah beberapa amaran diberikan oleh pihak berkenaan,” katanya.

Beliau yang juga Ketua Penerangan Umno Kelantan diminta mengulas pendedahan Dr Mahathir semalam bahawa ada pihak tertentu di Kelantan yang menyebarkan fitnah kononnya beliau mengarahkan kerajaan Arab Saudi menangkap warga negara Malaysia yang berada di sana dengan visa umrah untuk menunaikan haji.

Menurut Zainal Abidin, tindakan rakyat negara ini

yang menggunakan visa umrah untuk menunaikan ibadah haji memang bercanggah dengan undang-undang Arab Saudi.

“Arab Saudi boleh bertindak mengikut bidang kuasa yang ada pada mereka tanpa desakan atau arahan daripada mana-mana pihak,” katanya.

Beliau kesal dengan tindakan golongan yang cuba mengambil kesempatan mempolitikkan isu penahanan rakyat negara ini untuk menarik pengaruh rakyat menyokong perjuangannya.

“Kita harap mereka menghentikan dakwah itu kerana rakyat dapat memahami sendiri apa sebenarnya berlaku,” katanya sambil menambah golongan itu sengaja mengambil kesempatan itu untuk kepentingan politik mereka tanpa memikirkan ibadah yang dituntut oleh agama.